Masa depan sumber air negara perlu jelas

TIDAK dinafikan bahawa Malaysia sebagai sebuah negara kaya dengan sumber air dapat memenuhi kehendak dan permintaan rakyat bagi membolehkan mereka menjalankan aktiviti harian.

Bagaimanapun, proses globalisasi yang membawa kepada kemajuan negara menyebabkan masalah pencemaran alam sekitar kian berleluasa.

Masalah itu juga mengakibatkan berlakunya kerosakan sistem sungai yang membekalkan sumber air mentah kepada rakyat. Meskipun sumber air tidak pupus, tetapi air yang dapat digunakan oleh manusia dengan selamat adalah semakin berkurangan.

Dari semasa ke semasa kejadian pencemaran sungai di Malaysia merupakan satu masalah alam sekitar yang ketara dan sehingga sekarang tiada suatu cara penyelesaian secara efektif yang dapat menangani masalah ini.

Setiap isu atau masalah yang timbul telah menyedarkan kita betapa seriusnya masalah pencemaran air di negara kita.

Justeru, kita sebagai rakyat Malaysia tidak boleh memandang isu remeh masalah tersebut.

Selain itu, pembangunan di negara ini dan proses urbanisasi telah membawa kepada perubahan penggunaan tanah bagi sesuatu kawasan bagi menampung keperluan kegiatan ekonomi serta penyediaan kemudahan sosial.

Akibat perubahan guna tanah yang berlaku telah mendedahkan sungai kepada pelbagai masalah yang tidak mampu ditanggung oleh sungai, yang secara langsung menyebabkan perubahan sistem sungai bukan sahaja dari segi kualiti tetapi juga kuantiti.

Keadaan ini dapat dilihat berdasarkan kepada masalah yang berlaku akibat perubahan yang berlaku.

Seperti yang diketahui, sumber air mentah di negara kita kebanyakannya diperoleh terus dari sungai utama dan empangan yang dibina untuk menyimpan air.

Namun, kualiti air sungai di Malaysia adalah dalam keadaan yang semakin merosot akibat daripada pencemaran alam sekitar.

Berdasarkan statistik, buat masa kini sebanyak 29 buah sungai di negara ini didapati mengalami pencemaran teruk manakala 11 buah lagi tercemar sederhana manakala 80 buah lagi masih dalam keadaan terkawal.

Antara negeri yang mengalami pencemaran sungai paling tinggi adalah Johor, Selangor dan Pulau Pinang.

Pencemaran sistem sungai yang berlaku di negara kita kebanyakannya adalah berpunca dari keladak, pembuangan dan pelepasan sisa kumbahan dari kilang-kilang dan penempatan setinggan.

Ia turut melibatkan pembuangan bahan-bahan lain seperti najis binatang, sampah sarap dan logam berat seperti arsenik, kadmium raksa dan plumbum.

Menurut kajian, kira-kira 70 peratus masalah pencemaran sungai di Malaysia adalah disebabkan oleh pembuangan sampah dan kumbahan.

Pembuangan sampah sarap, sisa buangan domestik dari kawasan perumahan, perkampungan, setinggan dan lain-lain penempatan telah menyebabkan kualiti air sungai terjejas.

Penggunaan air mentah yang tidak berkualiti boleh membawa mudarat kepada manusia.

Pembuangan najis binatang yang tidak sistematik banyak berlaku di negara kita terutamanya di Negeri Sembilan dan Selangor. Ini menunjukkan bahawa masyarakat kita masih kekurangan kesedaran sivik dalam memahami pemuliharaan dan pemulihan alam sekitar

Jika membincangkan masalah atau isu yang berkaitan dengan sumber air ia adalah suatu yang lumrah terutamanya bagi penduduk di bandar.

Hal ini berlaku disebabkan permintaan yang tinggi sebaliknya bekalan air yang sedia ada tidak mampu menampung bilangan penduduk yang terlalu ramai.

Bukan itu sahaja yang menjadi masalah atau isu di bandar berkaitan sumber air malahan pencemaran juga salah satu faktor yang telah menjejaskan kualiti air yang disalurkan kepada penduduk khususnya di bandar besar seperti Kuala Lumpur.

Hal ini jelas dengan isu air yang berbau busuk yang melibatkan beberapa kawasan Lembah Klang.

Situasi yang berlaku ini amat membimbangkan bukan sahaja penduduk di kawasan terbabit malahan ia menunjukkan sikap masyarakat bandar yang terlalu mengejar kemewahan hidup sehinggakan alam semula jadi seperti sungai dibiarkan menjadi kotor dan tercemar.

Selain itu juga, apabila berlakunya situasi ini masing-masing pihak menuding jari kepada pihak lain yang dikatakan berhak mengendalikan hal berkaitan pemuliharaan sungai.

Sememangnya sikap menuding jari tidak patut diamalkan memandangkan kita sebagai satu masyarakat masing-masing perlu menjaga kebersihan sungai dan ini mampu memberi satu keadaan sumber air yang bersih tanpa sebarang bahan pencemar.

Semua pihak seharusnya berganding bahu supaya negara kita bebas daripada sebarang isu yang berkaitan sumber air. Untuk mengatasi masalah yang berkaitan sumber ia amatlah sukar tetapi untuk mengurangkannya ia tidak mustahil jika ada usaha dan kesedaran dari semua pihak.

– NOORASIDAH MOHAMED
KUALA LUMPUR.